

NO. SOALAN: 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI

TARIKH : 7 OGOS 2017

RUJUKAN : 10039

SOALAN :

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana seriusnya kehilangan pasport Malaysia dalam kalangan rakyat negara ini, apakah punca ia berlaku dan apakah langkah-langkah diambil untuk menangani masalah ini daripada terus berlaku .

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) merupakan dokumen yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang khusus selaras dengan piawaian *International Civil Aviation Organisation (ICAO)*, iaitu maklumat pemilik yang telah *encoded* dalam cip pasport tidak boleh dibuat sebarang pindaan (*write once read many*). Ciri keselamatan ini amat penting bagi memastikan maklumat pemilik sebenar pasport tidak boleh dipinda untuk diguna pakai oleh mereka yang tidak berhak memilikinya.

Statistik kehilangan PMA bagi bulan Januari sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 35,994. Kerajaan melihat senario ini sebagai suatu yang membimbangkan dan Kerajaan akan memberikan perhatian yang serius antara lainya mengadakan kempen atau sesi kesedaran di kalangan rakyat Malaysia agar lebih prihatin dalam menjaga keselamatan pasport milik masing-masing.

Punca berlakunya kehilangan PMA ini antara lainya adalah disebabkan oleh kecuaiian iaitu sebanyak 32,378 laporan diterima manakala selebihnya adalah disebabkan oleh musibah yang di luar kawalan (kecurian, kebakaran, bencana alam) iaitu sebanyak 3,616 laporan diterima.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah ini daripada berterusan dan tindakan semasa yang sedang diambil ialah cadangan penganan denda atau penalti sebagai kawalan dan pencegahan. Untuk makluman, cadangan ini adalah dalam proses semakan lanjut oleh Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan Akta Fi.